

Nik Aziz batal program Jumaat hadir majlis PM

KOTA BHARU 28 Okt. — Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat telah membatalkan semua program pada Jumaat ini bagi membolehkannya menghadiri majlis penyerahan jawatan Perdana Menteri oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Nik Abdul Aziz berkata, kehadiran beliau di majlis itu adalah sebagai penghargaan terhadap Dr. Mahathir yang disifatkannya sebagai seorang yang bijak dalam membuat perancangan bagi membangunkan negara.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan Ke-10 di Kota Darulnaim di sini hari ini.

Dr. Mahathir akan melepaskan jawatannya pada Jumaat ini setelah 22 tahun memimpin negara dan diganti dengan Abdullah yang dijadual mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima di Istana Negara.

Menurut Nik Abdul Aziz, beliau juga kagum dengan sikap kuat bekerja Dr. Mahathir yang harus dicontohi oleh semua pemimpin lain.

“Mengikut cerita yang sampai kepada saya, dia tidak ada masa rehat, kerja siang malam, pagi-pagi berjoging dan saya jarang tengok dia ketawa,” ujarnya.

Tambah Nik Abdul Aziz, sebagai penghargaan terhadap Dr. Mahathir, beliau pada sidang dewan hari ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana banyak membantu negeri Kelantan terutama dalam menyelesaikan masalah bekalan air.